

Bot nelayan dikendalikan warga asing ditahan

di M 21/8/2023

MS: 34

LUMUT: Sebuah bot pukat tunda tempatan ditahan selepas didapati menangkap ikan di zon larangan berhampiran Kepulauan Sembilan, dekat sini tengah hari kelmarin.

Bot tersebut turut melakukan enam kesalahan lain ketika ditahan kapal peronda pada kedudukan 2.4 batu nautika dari Pulau Buluh, Kepulauan Sembilan, 12.30 tengah hari.

Ketua Pangkalan Unit Pemantauan, Kawalan dan Pengawasan (MCS), Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Kampung Aceh, Mohd. Sharifuddin Abdul Manan berkata, hasil pemeriksaan mendapati bot itu melanggar syarat lesen di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.

“Selain menangkap ikan menggunakan peralatan pukat tunda kurang lapan batu nautika dari pantai seperti syarat lesen, didapati juga menggaji lima warga Myanmar berusia antara 40 hingga 60 tahun yang tidak memiliki dokumen perjalanan sah.

“Terdapat hasil tangkapan ikan pelbagai jenis anggaran berat 200 kilogram dengan nilai RM6,000,” katanya.

Katanya, kesalahan lain dilakukan termasuk saiz mata pukat di bahagian keroncong kurang 38 milimeter dan menggunakan alat radio komunikasi tanpa kebenaran bertulis Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Jelasnya, bot itu tidak mengaktifkan Sistem Pengesanan Automatik (AIS) manakala kod zon rumah kemudi tidak mengikut spesifikasi dibenarkan.

Beliau berkata, kesemua peralatan bernilai kira-kira RM500,000 disita dan dibawa ke Pangkalan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Kampung Aceh.

“Aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tunda kurang dari lapan batu nautika turut merosakkan habitat semula jadi pembiakan ikan itu sendiri,” katanya.